

EMBARGO: UNTUK SIARAN TENGAH MALAM INI, 18 APRIL

DARI MUSA SCULLY

1983

DHAKA, 18 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENGULANGI GESAANNYA SUPAYA DIPERCEPATKAN USAHA MENYELESAIKAN MASALAH KAMPUCHEA.

KATANYA PENYELESAIAN ITU JUGA HENDAKLAH SELARAS DENGAN PERISYTIHARAN PERSIDANGASN ANTARABANGSA MENGENAI KAMPUCHEA DAN LAIN-LAIN RESOLUSI BANGSA-BANGSA BERSATU YANG TELAH DISAHAN DAN DISOKONG OLEH MASYARAKAT ANTARABANGSA.

BERUCAP DI MAJLIS BANGKUASI, DIADAKAN OLEH KETUA PENTADBIR UNDANG-UNDANG TENTERA LT. JEN. H. M. ERSHAD BAGI MERAIKAN BELIAU, DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENGULANGI BAHAWA MALAYSIA TIDAK SEKALI-KALI DAPAT MENERIMA CAMPUR TANGAN TENTERA ASING DI KAMPUCHEA ATAU DI MANA-MANA SAHAJA UNTUK MENYELESAIKAN PERTIKAIAN.

BELIAU MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA BANGLADESH ATAS SOKONGAN GIGIH NEGARA ITU BERHUBUNG DENGAN PERKARA TERSEBUT DAN JUGA SOKONGANNYA KEPADA KONSEP KAWASAN AMAN, BEBAS DAN BERKECUALI DI RANTAU ASIA TENGGARA.

--LAGI 1914/AN

ZCZC 8697

MAHATHIR-KAMPUCHEA 2 DHAKA (EMBARGO)

KATANYA +MASALAH KAMPUCHEA MERUPAKAN ANCAMAN SERIUS TERHADAP KEAMANAN DAN KESTABILAN DI RANTAU INI DAN PENDUDUKAN HARAM YANG BERTERUSAN OLEH VIETNAM DI NEGARA ITU MERUPAKAN PENGHALANG TERBESAR TERHADAP KONSEP ZOPFAN+.

DALAM UCAPANNYA YANG PEDAS ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGUTUK SERANGAN VIETNAM YANG MASIH BERTERUSAN TERHADAP ASKAR-ASKAR KERAJAAN CAMPURAN DEMOKRATIK KAMPUCHEA DAN RAKYAT AWAM KHMER.

BELIAU MENYERU MASYARAKAT ANTARABANGSA MENUNTUT SUPAYA VIETNAM MEMBERHENTIKAN SEGERA KEGANASAN DI SEPANJANG SEMPADAN ITU DAN MENARIK BALIK ASKAR-ASKARNYA DARI KAMPUCHEA.

KATANYA +KITA MENGUTUK SEKERAS-KERASNYA PENCEROBOHAN WILAYAH THAI DAN PENDERITAAN YANG DIALAMI OLEH ANGKATAN TENTERA THAI DAN ORANG-ORANG AWAM AKIBATNYA+.

TINDAKAN TENTERA VIETNAM DI SEPANJANG SEMPADAN THAI-KAMPUCHEA ITU TELAH MENIMBULKAN ANCAMAN BERLAKUNYA LIMPAHAN PEPERANGAN KE NEGARA JIRAN THAILAND DI SAMPING MEMBUKA PELUANG MELETUSNYA PEPERANGAN DI RANTAU INI DAN MEMPELAWA CAMPUR TANGAN DARI KUASA-KUASA BESAR.

MENGENAI AFGHANISTAN, PERDANA MENTERI BERKATA SEPERTI KAMPUCHEA, NEGARA ITU MENJADI MANGSA CAMPUR TANGAN DAN PENDUDUKAN ASING.

--LAGI 1929/AN

SAMBIL MENGUTUK KEADAAN ITU, BELIAU MEMBERIKAN SOKONGAN PENUH KEPADA RESOLUSI-RESOLUSI PERTUBUHAN PERSIDANGAN ISLAM (OIC), PERGERAKAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI DAN USUL BANGSA-BANGSA BERSATU MENGENAI PEMUGARAN KEMERDEKAAN DAN KEDAULATAN AFGHANISTAN DAN PIAGAM-NYA MENGENAI ISLAM DAN PERGERAKAN BERKECUALI.

TENTANG PELANGGARAN LUBNAN OLEH ISRAEL, KATANYA +TELAH TIBA MASANYA+ BAGI AMERIKA SYARIKAT, PEMBEKAL SENJATA API KEPADA ISRAEL DAN NEGARA PENGGANTUNGAN EKONOMI ISRAEL, MENGENAKAN TEKANAN YANG PERLU UNTUK MEMBOLEHKAN PENARIKAN ISRAEL DARI NEGARA ITU.

MENGENAI KERJASAMA DUA HALA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BEMERAP BANGLADESH MENGGUNAKAN SEPENUHNYA PELUANG DI BAWAH RANCANGAN KERJA-SAMA TEKNIKAL MALAYSIA YANG DILANCARKAN DALAM TAHUN 1980 BAGI FAEDAH NEGARA-NEGARA MEMBANGUN DAN YANG BARU MERDEKA.

+DI SAMPING ITU KITA JUGA MENGALU-ALUKAN SEBARANG BANTUAN+, KATANYA SEBAGAI MENGALU-ALUKAN PERKHIDMATAN PARA DOKTOR BANGLADESH DAN LAIN-LAIN PROFESIONAL DAN JUGA PENGGUNAAN KEMUDAHAN KEMUDAHAN AKADEMIK DAN LATIHAN DI NEGARA INI.
--LAGI 1924/AN

MAHATHIR-KAMPUCHEA 4 DHAKA (EMBARGO)

KATANYA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN YANG KERAP MENGHADAPI MASALAH EKONOMI MESTILAH MENINJAU CARA-CARA BARU BERHUBUNG DENGAN KERJASAMA SELARAS DENGAN SEMANGAT DIALOG SELATAN-SELATAN DAN MEMPERKUKUKKAN KEDUDUKAN TAWAR-MENAWAR MADING-MADING MENRUSI PELANCARAN PERSATUAN-PESATUAN PENGELUAR, SEPERTI PERSATUAN PENGELUAR TIMAH YANG DITUBUHKAN BARU-BARU INI.

TAMBAHNYA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN HENDAKLAH MENUMPUKAN TEKANAN KEPADA BERDIKARI DAN HANYA DENGAN MEMBANTU ANTARA SATU SAMA LAIN, SELARI DENGAN SEMANGAT KERJASAMA SELATAN-SELATAN DAN KUKUH DARI SEGI EKONOMI, NEGARA-NEGARA TERSEBUT BOLEH MENDAPATKAN PENGHORMATAN DAN SANJUNGAN DAN +DUDUK SAMA RENDAH BERDIRI SAMA TINGGI+ DENGAN NEGARA-NEGARA MAJU.

MALAYSIA, KATANYA SEDIA BERKONGSI PENGALAMANNYA DENGAN NEGARA-NEGARA YANG BERHAJATKAN PEMBANGUNAN YANG SERUPA.

TENTANG KERJASAMA ISLAM, PERDANA MENTERI MENGGESA DIWUJUDKAN PENYELESAIAN YANG +AWAL, SAKSAMA DAN BERKEKALAN+ BAGI PERTIKAIAN IRAN-IRAQ DEMI KEPENTINGAN ISLAM DAN KESTABILAN DAN KEMAJUAN UMMAH.

--LAGI 1927/AN

MALAYSIA DAN BANGLADESH IALAH ANTARA SEMBILAN NEGARA ANGGOTA JAWATANKUASA DAMAI OIC MENGENAI PERTIKAIAN IRAN-IRAQ.

KATANYA +PERTIKAIAN ANTARA DUA BUAH NEGARA YANG BERSAUDARA ITU TIDAK HANYA MENGANCAM KEAMANAN DAN KESTABILAN TETAPI JUGA MEROSAKKAN PERPADUAN NEGARA-NEGARA ISLAM, TERUTAMANYA BERHUBUNG DENGAN PERJUANGAN RAKYAT PALESTIN DAN PEMEBEBASAN JURUSALEM DAN JUGA PERJUANGAN ORANG-ORANG ISLAM AFGHAN MENENTANG CAMPURTANGAN DAN PENDUDUKAN SOVIET+.

--BERNAMA 1929/AN